

NOTA MAKLUMAN
MENGENAI
KEMALANGAN LORI YANG MENYEBABKAN BERLAKU
TUMPAHAN CAT DI JALAN PERSIARAN BANDAR BARU
MERGONG, ALOR SETAR
PADA
7 NOVEMBER 2025

TUJUAN

Nota Makluman ini bertujuan untuk memaklumkan hasil siasatan dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) berkaitan perkara di atas.

LATAR BELAKANG

2. JAS telah menerima maklumat kemalangan lori yang menyebabkan berlaku tumpahan cat di Jalan Persiaran Bandar Baru Mergong, Alor Setar pada jam lebih kurang 11.30 tengahari, 7 November 2025.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

Hasil Siasatan Jabatan Alam Sekitar

3. Siasatan dijalankan pada jam 12.30 tengah hari, hari yang sama aduan diterima dan mendapati terdapat lori pengangkut yang membawa muatan cat telah terbalik setelah memasuki simpang tiga lampu isyarat Jalan Persiaran Bandar Baru Mergong.

4. Pihak Bomba memaklumkan, kemalangan tersebut berlaku pada jam lebih kurang 9.00 pagi dan pada awalnya tumpahan cat hanya di atas jalan raya. Pihak Bomba juga telah memaklumkan kepada pemilik syarikat pengangkut untuk menyediakan habuk kayu atau pasir bagi kerja-kerja pembersihan.

5. Tindakan telah diambil serta-merta oleh pihak syarikat lori pengangkut dengan meletakkan *sandbag* di dalam longkang bagi mengelakkan tumpahan cat daripada memasuki parit berdekatan. Operasi pembersihan telah dilakukan oleh pemilik syarikat bersama dengan wakil daripada Pentas Flora Sdn. Bhd.

6. Pembinaan sekatan di saluran parit berdekatan telah dapat mengawal tumpahan dari memasuki longkang awam yang bersambung dengan kolam tadahan hujan.

Tindakan Jabatan Alam Sekitar

7. *Field Citation* (FC) telah dikeluarkan kepada syarikat pengangkut cat untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan dan pelupusan Buangan Terjadual di premis yang dilesenkan oleh JAS.

8. Syarikat pengangkut juga diarahkan supaya memantau kawasan kemalangan bagi memastikan tiada pencemaran berlaku kesan daripada kemalangan tersebut dan memastikan operasi pembersihan dilakukan segera berikutan keadaan cuaca tidak menentu.

SYOR


9. JAS akan meneruskan pemantauan bagi memastikan pembersihan tumpahan dilaksanakan sepenuhnya dan tiada tumpahan cat memasuki parit berdekatan lokasi kemalangan.

PENUTUP

10. Dengan hormatnya dipohon mengambil maklum hasil siasatan yang telah dijalankan dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar terhadap kes ini.

JABATAN ALAM SEKITAR

8 NOVEMBER 2025



Gambar 1: Peta lokasi kemalangan di Jalan Persiaran Bandar Baru Mergong, Alor Setar



Gambar 2: Keadaan lori pengangkut cat yang terlibat dengan kemalangan



Gambar 3: Terdapat tumpahan cat memasuki longkang tetapi telah dapat dikawal daripada memasuki parit dengan membina sekatan





Gambar 4 – 6: Operasi pembersihan dilakukan oleh syarikat pengangkut dan Pentas Flora Sdn Bhd pada 7 November 2025





Gambar 6 – 7: Operasi pembersihan oleh syarikat Pentas Flora Sdn. Bhd. diteruskan pada 8 November 2025